



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE

# Perkongsian Data

untuk Perkhidmatan Penjagaan  
Kesihatan yang Lebih Baik

Anda mungkin akan diminta memberi keizinan mengenai perkongsian data semasa lawatan anda ke institusi penjagaan kesihatan awam, penyedia Penjagaan Jangka Pertengahan dan Jangka Panjang atau semasa anda membuat permohonan untuk Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS).

## Apa itu perkongsian data dan bagaimana ia memberi manfaat kepada saya?

Perkongsian data memudahkan Kementerian Kesihatan (MOH) memberi subsidi/bantuan pemerintah, serta perlindungan Medisave dan MediShield apabila anda atau ahli keluarga anda memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Perkongsian data membolehkan institusi penjagaan kesihatan awam kita memperoleh maklumat seperti:

- Baki Medisave anda;
- Perlindungan MediShield anda;

Ini membolehkan kakitangan hospital kami memberikan penjelasan yang lebih baik kepada anda mengenai jumlah bil anda yang dibiayai oleh subsidi, MediShield dan Medisave.

Kakitangan hospital juga dapat menyediakan bantuan atau nasihat sekiranya anda memerlukan bantuan kewangan bagi bil-bil perubatan anda (contohnya, memilih kelas wad yang sesuai), memberi penjelasan mengenai pilihan pembiayaan yang sedia ada (contohnya, pembayaran ansuran), dan/atau merujuk anda kepada Pekerja Sosial Perubatan untuk bantuan kewangan, jika perlu.

## Jika saya setuju kepada perkongsian data, siapa yang boleh mengakses maklumat peribadi saya?

Jika anda bersetuju kepada perkongsian data, maklumat anda hanya boleh diakses untuk **tujuan rasmi** serta di atas sebab **keperluan untuk tahu SAHAJA** oleh Pemerintah dan pertubuhan-pertubuhan lain yang diluluskan oleh Pemerintah. Untuk senarai pertubuhan-pertubuhan yang diluluskan, sila lungsur laman web MOH di <http://www.moh.gov.sg/datasharing>.

Kami akan memastikan bahawa maklumat yang anda berikan adalah rahsia dan akan dilindungi setiap masa.

Semua pertubuhan yang mengakses maklumat anda wajib mematuhi syarat-syarat kerahsiaan yang ketat. MOH telah menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan ketat untuk memastikan data peribadi anda sentiasa dilindungi.

## Bagaimana maklumat saya akan digunakan?

Tujuan maklumat anda dikongsi adalah untuk membolehkan kakitangan memberi penjelasan dengan lebih baik kepada anda mengenai pembiayaan bil-bil anda oleh subsidi, MediShield dan Medisave.


Mereka dapat mengakses maklumat asas seperti:

- Baki Medisave anda;
- Perlindungan MediShield; dan
- Subsidi-subsidi yang layak

Mereka tidak dapat mengakses maklumat peribadi anda selain untuk tujuan kaunseling kewangan.

Sekiranya anda memohon untuk bantuan kewangan, hanya Pekerja Sosial Perubatan dapat mengakses maklumat pendapatan anda daripada Lembaga CPF untuk menilai kelayakan kewangan anda dengan lebih baik. Ini dapat membantu mereka mengurus permohonan anda dengan lebih cepat kerana anda tidak perlu menyerahkan salinan surat gaji anda.

Rajah di bawah menunjukkan cara-cara data anda dikongsi untuk membantu anda dengan lebih baik. Senarai perkhidmatan ini dikemaskini dari masa ke masa untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kami.



[Maklumat tepat pada Disember 2014. Untuk maklumat yang terkini, sila lungsur laman web MOH di <http://www.moh.gov.sg/datasharing>]

## Mengapa ada kalanya saya perlu mengisi **beberapa jenis borang**? Bolehkah anda memberikan beberapa contoh borang-borang tersebut?

Kadangkala anda akan diminta mengisi beberapa jenis borang. Ini kerana setiap borang adalah untuk tujuan yang berbeza. **Borang keizinan perkongsian data** membolehkan penyedia penjagaan kesihatan mengakses maklumat anda, supaya anda tidak perlu memberi keizinan setiap kali maklumat anda diperlukan.

Anda mungkin perlu menandatangani borang keizinan Medisave untuk menggunakan Medisave anda bagi rawatan anda atau ahli keluarga terdekat anda. Ini dapat membantu melindungi maklumat simpanan Medisave anda dengan memastikan Medisave anda hanya digunakan setelah mendapat keizinan anda.

Anda juga mungkin diminta untuk mengisi **Borang Pengisytiharan Ujian Kemampuan Keluarga**. Borang ini adalah untuk ahli-ahli keluarga anda bagi memberi keizinan untuk perkongsian data serta mengisytiharkan bahawa mereka tinggal serumah. Walau keizinan untuk perkongsian data kekal sah sehingga anda menarik balik keizinan tersebut, pengisytiharan ahli keluarga dalam borang ini sah untuk tempoh 2 tahun sahaja.

## **Sekiranya saya tidak mengizinkan perkongsian data, adakah maklumat peribadi saya akan kekal dilindungi?**

Ya. Maklumat peribadi anda akan tetap dilindungi dan tidak akan dikongsi atau digunakan tanpa mendapatkan keizinan anda.

## Jika saya ada **pertanyaan**, pada siapakah boleh saya bertanya?

Untuk maklumat lanjut mengenai perkongsian data, anda boleh menunjukkan pertanyaan kepada kakitangan hospital di mana-mana institusi penjagaan awam atau penyedia Penjagaan Jangka Sederhana dan Jangka Panjang di mana anda atau keluarga anda sedang menerima rawatan.

Jika anda ingin memohon untuk Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS), anda boleh mendapatkan borang CHAS di mana-mana Kelab atau Balai Masyarakat, atau institusi penjagaan kesihatan awam. Borang permohonan tersebut juga dapat dimuat turun dalam talian.

Untuk maklumat lanjut mengenai CHAS, hubungi 1800-ASK-CHAS (1800-275-2427) atau layari <http://www.chas.sg>.